



PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

KENYATAAN MEDIA

7 Oktober 2020

ROMBAKAN PORTFOLIO AHLI AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Susulan pelantikan dua (2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) baharu pada 17 September 2020 yang lepas, saya telah meneliti dan sukacita mengumumkan rombakan portfolio dan struktur baharu MMKN Selangor berkuatkuasa serta merta.

Sebanyak lima (5) portfolio baharu diwujudkan sejajar dengan keperluan semasa negeri Selangor seperti berikut:

- (i) Pembudayaan Inovasi & Smart Selangor (nama asal ialah *Sains, Teknologi dan Inovasi* dan ditambah komponen Smart Selangor yang baru diwujudkan);
- (ii) Pengurusan Bencana
- (iii) Pemberdayaan Pekerja
- (iv) Perpaduan
- (v) Industri Halal

Dua (2) portfolio sedia ada dijenamakan semula bagi tujuan cakupan yang lebih meluas, iaitu **Jawatankuasa Tetap Perumahan & Kesejahteraan Bandar** (nama asal: Perumahan & Kehidupan Bandar) dan **Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam** (nama asal: Kesihatan)

Sehubungan dengan itu, sukacita saya mengumumkan portfolio bagi dua (2) Ahli MMKN Selangor yang baharu seperti berikut:



PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

- (i) YB Tuan Haji Borhan bin Aman Shah selaku Pengerusi **Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar & Kampung Tradisi, Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan**
- (ii) YB Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni selaku **Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal.**

Manakala rombongan kecil turut melibatkan beberapa Ahli MMKN sedia ada seperti berikut:

- YB Puan Rodziah Ismail selaku **Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan & Kesejahteraan Bandar serta Pembangunan Usahawan**
- Tuan Hee Loy Sian selaku **Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal**; dan
- YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman memegang jawatan **Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio-ekonomi, Kebajikan Masyarakat & Pemberdayaan Pekerja.**

Kedudukan portfolio Ahli-ahli MMKN lain adalah dikekalkan. *(Sila rujuk Lampiran untuk senarai penuh).*

Besarliah harapan saya agar penstrukturan ini dapat memanfaatkan seluruh warga negeri Selangor melalui khidmat bakti terbaik ke arah merealisasikan agenda Selangor Maju Bersama. Semoga Allah Azza Wa Jalla merahmati Selangor Darul Ehsan dan warganya.

YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI

Dato' Menteri Besar Selangor



**ROMBAKAN PORTFOLIO
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BERKUATKUASA 7 OKTOBER 2020**

AHLI MMKN	PORTFOLIO
YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Kewangan & Ekonomi - Pembangunan Tanah & Sumber Alam - Komunikasi Strategik - Pendidikan - Pembudayaan Inovasi & Smart Selangor (portfolio baharu menggantikan Sains Teknologi & Inovasi) - Pengurusan Bencana (portfolio baharu)
YB DATO' TENG CHANG KHIM	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Pelaburan - Perdagangan & Perindustrian - Industri Kecil dan Sederhana (IKS) - Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Hal Ehwal Selain Islam (HESI)
YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Perumahan & Kesejahteraan Bandar (nama asal: Perumahan & Kehidupan Bandar) - Pembangunan Usahawan
YB TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Pembangunan Sosio-Ekonomi - Kebajikan Masyarakat - Pemberdayaan Pekerja (portfolio baharu) - Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Hal Ehwal Selain Islam (HESI)
YB TUAN IR IZHAM BIN HASHIM	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Infrastruktur & Kemudahan Awam - Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani
YB TUAN NG SZE HAN	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Kerajaan Tempatan - Pengangkutan Awam - Pembangunan Kampung Baru
YB DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Kesihatan Awam (nama asal: Kesihatan) - Perpaduan (portfolio baharu) - Pembangunan Wanita dan Keluarga
YB TUAN HEE LOY SIAN	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Pelancongan - Alam Sekitar & Teknologi Hijau - Hal Ehwal Orang Asli - Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Hal Ehwal Selain Islam (HESI)
YB TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Pembangunan Modal Insan - Pembangunan Generasi Muda & Sukan
YB TUAN HAJI BORHAN BIN AMAN SHAH	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Pembangunan Luar Bandar & Kampung Tradisi - Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan
YB TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI	Pengerusi Jawatankuasa Tetap - Hal Ehwal Agama Islam - Hal Ehwal Pengguna - Industri Halal (portfolio baharu)